



**TALENT** Corporation Malaysia antara agensi menyertai Karnival Industri UMS.

## UMS anjur Karnival Industri sempena konvokesyen ke-15

UB 22.11.2013 B12

KOTA KINABALU: Bersempena dengan Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Hubungan Industri (PHI) UMS telah mengadakan Karnival Industri bermula 20 hingga 22 November.

Karnival tiga hari ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada graduan-graduan UMS meninjau peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak industri.

Antara organisasi yang terlibat ialah Petronas Berhad, JobsMalaysia, Digi, Bayu Success Training & Events, AIA Berhad, Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Jabatan Imigresen Malaysia, Talent Corporation Malaysia Dan Royal Institution Academy.

Karnival ini diadakan di Dewan Kuliah Pusat Kedua UMS iaitu bersebelahan dengan ruang peminjaman jubah dan dibuka mulai jam 9 pagi hingga 4.30 petang.



**PENGUNJUNG** mendapatkan penerangan berkaitan kerjaya daripada peserta karnival industri.

Di samping pameran dan penerangan daripada wakil-wakil industri yang terlibat, pengunjung terutamanya graduan yang sedang mencari pekerjaan berpeluang untuk menghadiri temuduga terbuka (walk-in interview). Manakala bagi mereka yang mempunyai idea-idea kreatif boleh menyertai Digi Challenges yang menawarkan hadiah

sebanyak RM25,000.

Sehubungan itu, PHI UMS mengalu-alukan semua graduan yang masih mencari pekerjaan untuk mengunjungi karnival ini. Untuk keterangan lanjut mengenai peluang-peluang pekerjaan, alumni UMS adalah dialu-alukan untuk berhubung dengan PHI di talian 088-320000 sambungan 6122002, 6122003 dan 6122004.